

Pelabuhan Klang

Labatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) me-rampas pelbagai komo-diti dianggarkan bernilai RM10.01 juta dalam bebe-
rapa pemeriksaan serta si-taan di zon bebas di sini antara 1 Ogos hingga 29 September lalu.

Pengarah Kastam Se-langor, Mohamad Azhar Ahmad Paharazi berkata komoditi berkenaan adalah cerut, panel paparan Diod Pemancar Cahaya (LED), beras dan e-rokok (vape).

Beliau berkata, kes pe-r-tama membabitkan sitaan sebuah kontena di Zon Be-bas Pelabuhan Barat yang mengandungi 8,750 kilog-ram cerut yang dipercayai tidak mempunyai permit import pada 1 Ogos lalu.

"Siasatan awal menda-pati kontena tersebut tiba di Pelabuhan Klang pada 18 Julai lalu dari sebuah ne-gara di Asia.

"Dianggarkan, nilai duti dan cukai untuk rampasan cerut ini bernilai RM6.06 juta (RM6,063,750) dan ia diiktirakan sebagai *Beverages & Etc*' bagi mengelak keperluan permit import," katanya pada sidang media di Wisma Kastam Selangor, Pulau Indah, semalam.

Beliau berkata, sitaan se-terusnya membabitkan 480 unit paparan panel LED

Cerut diikrar minuman

JKDM rampas pelbagai komoditi bernilai RM10.01j di zon bebas



"Dianggarkan, nilai duti dan cukai untuk rampasan cerut ini bernilai RM6.06 juta (RM6,063,750) dan ia diiktirakan sebagai 'Beverages & Etc' bagi mengelak keperluan permit import"

Pengarah Kastam Selangor, Mohamad Azhar Ahmad Paharazi

tersebut adalah bernilai RM1.32 juta (RM1,320,000)," katanya.

Beliau berkata, pengim-portan kesemua barangan berkenaan tertakluk ke-pada Permit Import yang digariskan mengikut Pe-rintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

Katanya, pengimporan cerut tertakluk pada permit yang dikeluarkan Ketua Pengarah Kastam: Suru-hanlaya Tenaga (ST) bagi panel paparan LED; Padi-beras Nasional Berhad (BERNAS) bagi beras dan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi e-rokok.

"Semua kes disiasat me-ngikut Seksyen 135 Akta Kastam 1967," katanya.

MOHAMAD Azhar (tiga dari kiri) menunjukkan sebahagian barang rampasan pada sidang media di Wisma Kastam Pulau Indah, Pelabuhan Klang. - NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

yang dianggarkan bernilai RM2.52 juta (RM2,520,000) dengan duti dan cukai.

Katanya, kesemua komo-diti terbabit dirampas me-nurusi pemeriksaan terha-dap dua kontena di kawa-san Zon Bebas Pelabuhan Utara pada 5 Ogos lalu yang diiktir sebagai *display* pa-

nel, hand tools & hardware accessories.

"Kes seterusnya memba-bitkan sitaan 19,000 kilog-ram beras yang dianggar-kan bernilai RM106,400 termasuk duti dan cukai menerusi pemeriksaan se-buah kontena di Zon Bebas Pelabuhan Barat, pada 28

Ogos lalu," katanya.

Mohamad Azhar berkata, pada 9 September lalu, JKDM Selangor memeriksa sebuah kontena di Zon Be-bas Pelabuhan Barat dan menyita 30,000 unit e-rokok yang dipercayai dim-port tanpa permit.

Katanya, setiap unit e-ro-

kok mengandungi 30 mi-liliter cecair nikotin, men-jadikan jumlah keseluru-han cecair nikotin adalah sebanyak 900,000 milili-ter.

"E-rokok berkenaan di-iktar sebagai *storage box* dan dianggarkan bernilai rampasan bagi komoditi